

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

# BIBLIOGRAFI

Prof. Dr. Salmiah Kasolang telah mendedikasikan 29 tahun perkhidmatannya kepada UiTM sejak tahun 1995. Beliau memulakan kerjaya akademik sebagai Tutor di International Education Centre (INTEC), yang ketika itu dikenali sebagai Pusat Pendidikan Persediaan. Pada tahun 1997, beliau berpindah ke Fakulti Kejuruteraan Mekanikal di kampus induk, di mana beliau berkhidmat sebagai penyerasah. Karier pentadbiran akademiknya bermula pada tahun 2009 apabila dilantik sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Jaringan Industri) selama tujuh tahun. Selepas itu, beliau diberi tanggungjawab menerajui Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sebagai Dekan dari tahun 2015 hingga 2017 sebelum mengambil cuti sabatikal.

Pada Mei 2020, ketika negara dilanda wabak COVID-19, beliau dilantik sebagai Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang dan berkhidmat sehingga 30 April 2022. Prof. Dr. Salmiah juga aktif dalam pelbagai badan profesional, termasuk dilantik sebagai Penuang Persetuan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Tinggi (STALITE), serta berkhidmat sebagai Presiden Persatuan Tribologi Malaysia selama dua penggal berturut-turut dari tahun 2018 hingga 2021. Selain itu, beliau pernah menjadi panel ETAC bagi Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAD), Pengerusi Utama untuk CDAC, dan Pemeriksa Luar untuk program akademik di UTM sehingga 2023.

Kini, Prof. Dr. Salmiah memegang jawatan Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) di Akademi Pembangunan PKS dan Keusahawanan Malaysia (MASMED) sejak 1 September 2022. Sepanjang kepimpinannya, beliau berjaya melaksanakan 28 inisiatif baharu dalam tempoh enam bulan sebagai Dekan dan 30 inisiatif baharu semasa berkhidmat sebagai Rektor. am bidang pendidikan, Prof. Dr. Salmiah telah meraih Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Pertanian dari University of Wisconsin-Madison, USA, pada tahun 1992.

Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Sistem Pembuatan di Universiti Putra Malaysia dan berjaya menamatkannya pada tahun 2001, sebelum memperoleh Ijazah Kedoktoran dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan pada tahun 2008. Sebagai seorang penyelidik produktif, Prof. Dr. Salmiah memimpin kumpulan penyelidikan yang memberi tumpuan kepada bidang Tribologi untuk Industri Pengangkutan. Bidang penyelidikan beliau meliputi Tribologi, Pelinciran Hidrodinamik dalam Gas, Jurnal, Teknik Pengukuran Ultrasonik, Pengurusan Kualiti Menyeluruh, Mekanik Bendalar, Atomistik, Biometrik, dan Tribologi Kulit. Dalam hampir tiga dekad perkhidmatannya, beliau telah menyella lebih daripada 30 penerbitan pascasarjana dan menghasilkan lebih daripada 120 penerbitan, termasuk tiga buku mengenai tribologi. Beliau juga berjaya memperoleh geran penyelidikan individu hampir setengah juta ringgit dan lebih daripada dua juta geran penyelidikan bersama.

Di samping itu, Prof. Dr. Salmiah telah menyampaikan lebih daripada 12 ceramah antarabangsa serta menjadi ucapan utama persidangan di negara-negara seperti India, Indonesia, Vietnam, dan Singapura.

Prof. Dr. Salmiah adalah seorang tokoh yang sentiasa meletakkan kepentingan tindakan melebihi kata-kata. Beliau merupakan seorang pemimpin yang berusaha memperkukuhkan kekuatan yang ada demi mengatasi kelemahan yang dihadapi. Dengan ketekunan yang tinggi, beliau mengumpulkan pelbagai inisiatif peningkatan kualiti melalui pelbagai peranan kepimpinannya, bukan sekadar untuk dokumentasi tetapi untuk memupuk pembelajaran yang bermanfaat kepada semua.



*Prof. Ts. Dr. Salmiah Kasolang*



## TAKLIMAT PELAPORAN PETUNJUK PRESTASI PELAN STRATEGIK 2025

PLATFORM:  
SECARA ATAS  
TALIAN

OLEH:  
PROF. TS. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG

BERSAMA-SAMA  
KOORDINATOR  
MASMED



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya, dapat kita berkumpul bersama dalam Taklimat Pelaporan Petunjuk Prestasi (P) MASMED ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga kerja Bahagian Strategik dan Penjenamaan Korporat kerana berjaya menganjurkan program taklimat ini yang saya rasa amat penting dalam memastikan kelancaran pelaporan yang akan disediakan.

Taklimat ini dianjurkan adalah untuk memberi informasi dan pendedahan terkini berkaitan pelaporan Petunjuk Prestasi dan ketetapan yang perlu dipenuhi khususnya kepada koordinator baharu MASMED dan sebagai peringatan mesra kepada seluruh koordinator MASMED amnya.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Untuk makluman semua, MASMED telah banyak menempa kejayaan dalam usaha meningkatkan dan memartabatkan nama universiti khususnya dalam program keusahawanan. Keusahawanan adalah kunci kejayaan dalam ekonomi global. Generasi muda perlu dilihankan dan diberi sokongan untuk meneroka potensi keusahawanan mereka. Usaha kolaboratif antara pihak pendidikan, kerajaan, dan sektor swasta perlu diperbanyakkan bagi mencorak minda keusahawanan dalam kalangan belia kita. Ini akan memastikan perkembangan ekonomi yang mapan dan inovatif untuk masa depan yang lebih cerah.

Sejajar dengan gagasan Pelan Strategik 2025, MASMED akan terus memperkasa set minda global dalam kalangan pelajar UITM, membina kemahiran dan minat pelajar melalui sistem keusahawanan yang kondusif melalui zon perniagaan pelajar program start-up, inkubator perniagaan dan peluang sangkutan di syarikat-syarikat kecil sederhana yang menyokong perniagaan milik pelajar.

Justeru itu, kita sebagai keluarga besar MASMED perlu menggembeng tenaga dalam melahirkan lebih ramai lagi pers usahawan Bumiputera seperti Les Copaque dan Animosta yang mengguguli karya kreatif selain kejayaan usahawan muda Khairul Aming dalam memperkasakan ekonomi Bumiputera negara seterusnya menembusi pasaran global.



Sidang hadirin yang saya kasihi sekalian,

Namun begitu, inisiatif-inisiatif ini perlu kita dokumentasikan agar ianya menjadi kayu pengukur atau bukti kepada usaha-usaha yang telah dilaksanakan. Ianya juga melambangkan cara kerja yang lebihersistematik dan kebersamaan seluruh warga MASMED. Oleh yang demikian, walaupun sudah di akhir suku pertama ini saya menyeru agar semua warga MASMED merangkul seluruh kekuatan dan tenaga, bagi kita mencapai sasaran untuk melatih lebih ramai usahawan dalam kalangan belia dan mahasiswa kita.



Saya yakin dan percaya bahawa seluruh warga MASMED telah mempersiapkan diri dan bersedia dari segi fizikal dan mental untuk menempuh apa jua cebaran dan halangan untuk tahun yang mendatang. Marilah kita sama-sama melangkah di tahun baru ini dengan tekad dan iltizam supaya kita dapat menerajui perubahan dan menempa kejayaan yang lebih gemilang. In shaa Allah.

Dengan itu, saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun;

**Beli kait buat kebaya,  
Kebaya merah hadiah pacar,  
Usai sudah madah saya,  
Semoga acara berjalan lancar.**

Sekian wabillahi taufik walhidayah.  
Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



---

"Kita perlu menetapkan matlamat jangka panjang dan mengikuti pelan strategik dengan tekun, kerana kejayaan tidak datang dengan sendirinya, tetapi melalui usaha yang berterusan dan terancang."

---



# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern, multi-story building with a white facade and a dark tiled roof. The building features a prominent sign that reads "KOMPLEKS USAHAWAN" in large, bold, blue capital letters. The building has several windows and a covered entrance area with white columns.

**KOMPLEKS  
USAHAWAN**